

23 JUN 2001

Umno-Mahathir (Sajak)

DR MAHATHIR SEBAK SAMPAIKAN SAJAK "MELAYU MUDAH LUPA"

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- "Wahai bangsaku, jangan mudah lupa lagi, kerana perjuanganmu belum selesai...", bait akhir sajak ini membuatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak dapat menahan sebak di akhir Perhimpunan Agung Umno di sini.

Walaupun pada awal ucapannya Presiden berkata beliau tidak mahu menangis lagi, namun sajak "Melayu Mudah Lupa" ternyata meruntun perasaan hibanya.

Para perwakilan bangun memberi penghormatan sebaik beliau selesai membaca sajak itu yang diterimanya daripada seseorang semasa beliau sedang membuat ucapan penggulungan untuk dibacakan pada penghujung ucapannya.

Perdana Menteri dalam ucapan dasarnya pada perasmian Perhimpunan Agung itu Khamis lepas, menyentuh mengenai orang Melayu yang mudah lupa sejarah penjajahan terhadap bangsa Melayu serta penghinaan yang diterima kerana berpecah dan lemah.

Para perwakilan turut mengulangi bait-bait "Melayu Mudah Lupa" sepanjang Dr Mahathir menyampaikan sajak.

Sajak itu berbunyi:

"Melayu mudah lupa
Melayu mudah lupa
Melayu mudah lupa

Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya dipijak
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya retak
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya teriak
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya haprak

Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya kelas dua
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya hina
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya sengketa
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya derita

Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya kerdil
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya terencil
Tiada daulat
Tiada maruah
Tiada bebas

Melayu mudah lupa
Melayu mudah lupa

Melayu mudah lupa

Sejarah bangsanya yang lena
Tanah lahirnya yang merekah berdarah

Ingatlah
Ingatlah
Ingatlah

Wahai bangsaku
Jangan mudah lupa lagi
Kerana perjuanganmu belum selesai.
-- BERNAMA
ZAI ZS LAT